

23/08/1998

Usah politikkan isu kegawatan ekonomi

KEPALA BATAS: Parti pembangkang dan pemimpin Umno diingatkan supaya tidak mempolitikkan isu kegawatan ekonomi yang dihadapi negara ketika ini kerana ia adalah satu perkara yang serius dan bukan bahan kempen untuk pilihan raya.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga Naib Presiden Umno, berkata mereka sepatutnya memberi sokongan padu dalam membantu merealisasikan usaha kerajaan memulihkan krisis ekonomi yang melanda negara.

"Usaha memulihkan ekonomi adalah satu strategi nasional yang menggembeling tenaga setiap lapisan rakyat sama ada usahawan, pekerja biasa atau mereka yang terbabit dalam sektor pertanian.

"Ini sepatutnya dijadikan agenda utama seluruh rakyat negara ini kerana jika gagal, harapan dan aspirasi rakyat akan turut musnah," katanya selepas merasmikan Hari Kecemerlangan dan Keusahawanan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Haji Ahmad Badawi di sini, semalam.

Bagaimanapun, Abdullah berkata, dengan komitmen kerajaan yang tinggi di samping kesediaan rakyat melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing, masalah itu pasti dapat diselesaikan lebih cepat.

Menurut Abdullah, pembangkang juga tidak seharusnya 'mengkritik kosong' saja, malah turut memberi cadangan atau pandangan membina bagi membantu kerajaan mengatasi masalah kegawatan ekonomi.

"Apabila ada pembangkang yang mengeksploitasikan isu ekonomi untuk mendapat sokongan, ia akan menentang harapan seluruh negara untuk memulihkan semula keadaan secepat mungkin," katanya apabila disoal mengenai kegiatan parti pembangkang yang menggunakan isu kegawatan ekonomi sebagai bahan utama dalam strategi pilihan raya mereka.

Di samping itu, Abdullah juga ditanya mengenai dakwaan Umno sendiri menghadapi 'kegawatan politik'.

"Politik dalam Umno kini terkawal dan ketika ini barisan pemimpinnya memberi perhatian serius dan bersepadu dalam segala aspek pemulihan ekonomi seperti yang disarankan Perdana Menteri dan Presiden Umno sendiri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Mengenai pemilihan dalam Umno, Abdullah berkata, masanya terlalu awal untuk memikirkan soal itu dan pemimpin Umno sendiri tidak seharusnya menumpukan perhatian berkempen malah memikirkan agenda lebih penting iaitu membantu memulihkan ekonomi negara.

"Yang penting sekarang, kita beri sokongan padu kepada kerajaan dan Perdana Menteri yang sedang berusaha memulihkan ekonomi.

"Kalau kita terlalu ghairah 'main politik', tumpuan kita akan berbelah bagi dan ini akan menjejaskan usaha memulihkan ekonomi," katanya.

Beliau juga menasihatkan semua pihak tidak mendengar khabar angin kerana ia bertujuan melemahkan kepemimpinan negara.

Bagaimanapun, katanya, secara keseluruhannya rakyat negara ini sudah memahami masalah yang dihadapi dan mereka menghargai usaha Dr Mahathir untuk memulihkan keadaan.

(END)